

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



Unit Komunikasi Korporat
VFive Group
Wisma VFive Group
8, Jalan Kilang Midah
Taman Midah
56000 Kuala Lumpur

VFIVE GROUP SALUR RM2 JUTA INFAQ RAMADAN, TEKAD BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN

Kuala Lumpur: VFive Group menerusi pertubuhan kebajikannya iaitu Yayasan VFive, bergiat aktif melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif infaq dengan mengagihkan sumbangan berjumlah RM2 juta sepanjang Ramadan ini.

Antara inisiatif yang dilaksanakan badan korporat itu termasuklah sumbangan 500 pek makanan iftar harian dengan kerjasama JAWI, sumbangan 5,000 set bakul makanan, tajaan iftar Ramadan, edaran bubur lambuk dan pelbagai lagi bantuan kebajikan meliputi lebih 100 masjid, surau dan juga NGO.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Pengasas VFive Group, Datuk Hj Mohd Syafiq Hj Abdullah berkata, segala inisiatif infaq yang dirangka adalah bertujuan mengurangkan bebanan dan penderitaan golongan yang kurang mampu serta menzahirkan tanggungjawab kebajikan secara inklusif ke arah kesejahteraan masyarakat," katanya di Majlis Iftar Perdana 2024 di SW Banquet Hall pada Isnin.

"Kehadiran Ramadan sebagaimana kita semua sedia maklum adalah sarat dengan kemuliaan dan keberkatan. Justeru amat rugi jika kita tidak mengimarahkannya dengan melakukan amal kebajikan yang memberi manfaat kepada masyarakat," katanya lagi.

"Insyah-Allah semoga apa yang dirancang dan diusahakan pihak VFive Group ini dipermudahkan sekali gus mencapai objektif yang telah ditetapkan," ujarnya.

Majlis Iftar Perdana 2024 yang dianjurkan oleh VFive Group berkenaan merupakan wadah bagi mengeratkan ukhuwah antara warga kerja bersama pemegang taruh, di samping menyantuni tetamu jemputan yang antaranya terdiri daripada anak-anak yatim dan pelajar tahfiz.

Pada majlis tersebut, VFive Group turut menyalurkan sumbangan Infaq Mahabbah Ramadan kepada 14 masjid, surau, pusat tahfiz, pertubuhan kebajikan, sekolah dan juga NGO di sekitar Lembah Klang yang disampaikan dalam bentuk replika cek.



Awards & Recognition



HEADQUARTERS

Wisma VFive Group, No. 8, Jalan Kilang Midah,
Taman Midah, 56000 Kuala Lumpur

STORAGE WAREHOUSE

No. 5, Jalan 6/9, Bandar Rincing,
Seksyen 6, 43500 Semenyih, Selangor